

Taman tergantung unik pertama di Malaysia di The Peak Residences



GEORGE TOWN - Taman tergantung menghadap pemandangan indah pantai Tanjung Tokong di sini merupakan antara keunikan projek pembinaan kondominium mewah, The Peak Residences yang ditawarkan Ivory Properties Group (Ivory).

Pada ketinggian 152.4 meter dari paras laut, taman riadah itu dibina di atas kondominium setinggi 38 tingkat dengan keluasan kira-kira 1,858 meter persegi.

Menurut Pengarah Projek Kumpulan Ivory, M. Murly, ia merupakan taman tergantung pertama di negara ini kerana ia dibangunkan di atas bangunan tinggi yang lengkap dengan landskap menarik di samping menyajikan pemandangan indah tepi laut.

"Taman tergantung ini dibina di setiap tiga blok kon-



GAMBARAN artis mengenai taman tergantung di atas kondominium mewah di The Peak Residences, George Town.

dominium yang dibina di The Peak Residences dan ia akan siap seiring dengan setiap blok berkenaan.

"Buat masa ini, fasa pertama projek mewah itu telah

pun dimulakan iaitu ia membabitkan tiga blok kondominium yang memiliki 609 unit termasuk 30 ruang niaga," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini ba-

ru-baru ini.

Murly menjelaskan, bagi pembinaan The Peak Residences untuk kediaman serta lot kedai yang dikenali sebagai The Peak Shops Lots itu dijangka mencatatkan nilai pembangunan kasar (GDV) kira-kira RM250 juta.

"Dengan harga permulaan RM355,000 bagi sebuah unit kondominium, The Peak Residences merupakan komitmen Ivory dalam sektor hartanah di negeri ini," jelas beliau.

Sementara itu, Murly menerangkan, Ivory kini bersedia untuk memulakan kerja-kerja bagi fasa dua iaitu projek pembinaan kondominium mewah The Latitude pada Disember ini dengan fokus kepada pasaran berbeza.

Dibina di lokasi yang sama, projek bagi fasa berkenaan akan membabitkan pembinaan dua blok kondominium setinggi 38 tingkat yang mengandungi 292 unit kediaman.